



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN - SELASA, 7 JANUARI 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



7/1/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	NOT FUNNY: OBSCENE JOKES PUNISHABLE BY UP TO 5 YEARS IN PRISON		POSITIF
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/01/1157010/not-funny-obscene-jokes-punishable-5-years-prison-watch	NST.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/berita/2025/01/jenaka-seksual-satu-jenayah/	UTUSAN.COM.MY	
	https://themalaysianreserve.com/2025/01/06/nancy-sexual-jokes-are-criminal-offence/	THEMALAYSIANRESERVE.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	JKM CARI WARIS BAYI BERTALI PUSAT DITINGGAL BELAKANG KILANG KEK		NEUTRAL
	https://malaysiagazette.com/2025/01/06/jkm-cari-waris-bayi-bertali-pusat-ditinggal-belakang-kilang-kek/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	KURSUS KAWIN PERCUMA GALAK ORANG MUDA DIRIKAN RUMAH TANGGA		POSITIF
	https://www.melakahariini.my/kursus-kawin-percuma-galak-orang-muda-dirikan-rumah-tangga/	MELAKAHARIINI.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	ETIQA HULUR BANTUAN PASCABANJIR		POSITIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1173542/etiqa-hulur-bantuan-pascabanjir	HMETRO.COM.MY	



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN ANALITIK HARIAN
SELASA, 7 JANUARI 2025




LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm




LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA TRADISIONAL

PECAHAN RANGKUMAN BERDASARKAN KATEGORI



PECAHAN RANGKUMAN BERDASARKAN KATEGORI




LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM


www.kpwkm.gov.my • kpwkm




LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA TRADISIONAL




LIPUTAN BERDASARKAN JENIS MEDIA



LIPUTAN BERDASARKAN BAHASA MEDIA



LIPUTAN PECAHAN SENTIMEN



PEMPENGARUH MEDIA UTAMA

TAJUK BERITA	JUMLAH LIPUTAN
Jenaka seksual satu jenayah	3
JKM cari waris bayi bertali pusat ditinggal belakang kilang kek	1
KURSUS KAWIN PERCUMA GALAK ORANG MUDA DIRIKAN RUMAH TANGGA	1


TAJUK BERITA UTAMA

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM


www.kpwkm.gov.my • kpwkm




LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA SOSIAL



LIPUTAN BERDASARKAN PLATFORM MEDIA SOSIAL



LIPUTAN PECAHAN SENTIMEN



PEMPENGARUH UTAMA/KOL

TAJUK BERITA	JUMLAH LIPUTAN
<u>Perancangan kehamilan tanggungjawab bersama suami isteri - Pakar</u>	4
<u>Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), sedang mengesan waris kepada seorang bayi lelaki baru lahir yang ditinggalkan dalam kotak di sebuah kilang kek di Kempas.</u>	1
<u>Lelaki sanggup berkorban impian jadi cef demi jaga abang OKU terlantar</u>	2

TAJUK TOPIK UTAMA



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA SOSIAL


FRASA PALING POPULAR

trend yang sedang meningkat dalam mesej berkaitan topik



HASHTAG PALING POPULAR

mesej dalam perbincangan dengan menggunakan hashtag yang relevan.






LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm




LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA

METRIK UTAMA




LIPUTAN PECAHAN SENTIMEN



Net sentiment
This is +23 points compared to the previous period.

Analyzed 701 mentions


- 229 with positive sentiment
- 193 with neutral sentiment
- 279 with negative sentiment



Mostly negative
The majority of conversations about this topic have negative sentiment.

SUSURMASA LIPUTAN - ISU ISU SEMASA

- Jenaka seksual satu jenayah
- JKM cari waris bayi bertali pusat ditinggal belakang kilang kek
- KURSUS KAWIN PERCUMA GALAK ORANG MUDA DIRIKAN RUMAH TANGGA



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



ANALISIS LIPUTAN MEDIA - AGENSI

TOPIK UTAMA

NOT FUNNY: OBSCENE JOKES PUNISHABLE BY UP TO 5 YEARS IN PRISON

LIPUTAN BERITA


- o PETALING JAYA: Obscene jokes are a criminal offence under Section 509 of the Penal Code and can be punished with up to five years in prison, a fine, or both if convicted.
- o In a Utusan Malaysia report, Women, Family, and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri said there was still a perception that jokes with sexual innuendoes are normal, but the reality is that it violates the dignity of the victim.
- o She said that this perception posed a challenge in addressing sexual misconduct, normalising it as something ordinary within society.
- o "One of the challenges in tackling sexual harassment is the perception of some perpetrators who view such behaviour as harmless jokes that do not offend," she said.
- o Link - {1,2}

CADANGAN

Kempen Kesedaran dan Pendidikan dengan melaksanakan kempen untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kesan negatif lawak lucah terhadap norma sosial, dengan fokus kepada implikasi undang-undang dan psikologi. Langkah-langkah ini akan membantu memupuk persekitaran sosial yang lebih selamat, menghormati hak asasi manusia, dan menyokong mangsa gangguan.

TINDAKAN

- KPWKM
- JKM



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



INFORMASI DARI NEGARA LUAR



Gambar hiasan

Topik: Iran benarkan kanak-kanak 14 tahun lakukan pembedahan kosmetik
[\[LINK\]](#)

ISTANBUL – Iran telah menurunkan umur minimum untuk pembedahan kosmetik kepada 14 tahun bagi perempuan dan 16 tahun bagi lelaki.

“Dari perspektif saintifik, zaman ini kini dianggap sesuai. Kanak-kanak perempuan boleh menjalani pembedahan bermula pada usia 14 tahun, manakala kanak-kanak lelaki layak dari umur 16 tahun,” menurut Ahli Lembaga Persatuan Rhinologi Iran, Ibrahim Rezmpa.

Umur minimum sebelum ini ialah 18 tahun, katanya sambil menambah faktor seperti pertumbuhan, perkembangan fizikal dan psikologi, dan kematangan emosi juga penting dalam menentukan kesesuaian seseorang untuk menjalani pembedahan. Rezmpa berkata, jumlah permintaan yang semakin meningkat untuk prosedur kosmetik di negara ini tetapi tidak memberikan angka khusus mengenai jumlah pembedahan yang dilakukan.

Pakar mencadangkan peningkatan dalam pembedahan kosmetik di Iran didorong oleh tekanan rakan sebaya, pengaruh media, dan norma budaya yang berlaku. – Agensi

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Not funny: Obscene jokes punishable by up to 5 years in prison [WATCH]

By [New Straits Times](#) - January 6, 2025 @ 10:11am



Women, Family, and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri said that there was still a perception that jokes with sexual innuendoes are normal, but the reality is that it violates the dignity of the victim. — FILE PIC

PETALING JAYA: Obscene jokes are a criminal offence under Section 509 of the Penal Code and can be punished with up to five years in prison, a fine, or both if convicted.

In a Utusan Malaysia report, Women, Family, and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri said there was still a perception that jokes with sexual innuendoes are normal, but the reality is that it violates the dignity of the victim.

She said that this perception posed a challenge in addressing sexual misconduct, normalising it as something ordinary within society.

"One of the challenges in tackling sexual harassment is the perception of some perpetrators who view such behaviour as harmless jokes that do not offend," she said.

"However, the reality is that when a victim feels uncomfortable with sexual innuendoes or behaviour, it can be classified as sexual harassment," she added.

The report said more than 85 per cent of sexual harassment cases reported annually in Malaysia involve women, 88 per cent of these cases occurring in the workforce.

Police recorded 506 cases of sexual harassment in 2021, followed by a slight decline to 477 cases in 2022. However, this number rose again to 522 cases in 2023.

As of August last year, a total of 442 sexual harassment cases were reported, involving both male and female victims, with the majority being women.

Nancy said data obtained from the Labour Department found that sexual harassment cases were frequently reported in the manufacturing, construction, and other service sectors.

"Sexual harassment can occur in any industry, but changing cultural norms and attitudes, especially in the workplace, are key steps to effectively address this issue," she said.

"Therefore, the Women, Family, and Community Development Ministry introduced the Sexual Harassment Act 2022 (Act 840) as an alternative platform for individuals to file complaints related to sexual harassment.

"Through the Women's Development Department, the ministry has also developed guidelines as a reference and is actively implementing advocacy programmes focusing on prevention and awareness of this issue," she said.

Nancy also noted that the Sexual Harassment Tribunal has been established as an alternative to facilitate the handling of sexual harassment complaints quickly, easily, and cost-effectively.

"It provides a platform for victims of sexual harassment, regardless of gender, to seek compensation.

"Among its goals is to ensure that complaints are processed through hearings that are transparent, fair, and free from any prejudice."

"This step directly increases public trust in the complaint process, with the assurance that every case will be handled with integrity and justice."

She also urged victims of sexual harassment to come forward and file complaints through the tribunal to ensure that their voices are heard and their complaints are taken seriously.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



JKM cari waris bayi bertali pusat ditinggal belakang kilang kek

Oleh Zulhisham Isahak - 6 January 2025



JKM sedang mengesan waris kepada seorang bayi lelaki baru lahir yang ditinggalkan dalam kotak di sebuah kilang kek di Kempas, Johor Bahru

JOHOR BAHRU – Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sedang mengesan waris kepada seorang bayi lelaki baru lahir yang ditinggalkan dalam kotak di sebuah kilang kek di Kempas di sini.

Pegawai Pembangunan Masyarakat Unit Pembangunan Kanak-Kanak Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kulai, Lily Norliyana Azfar Norli berkata, bayi berkenaan kini berusia empat bulan.

"Ketika ditemui di belakang sebuah kilang kek di Jalan Selasih 8, Kempas, Jalan Kempas Lama, 81200, Skudai, Johor, bayi berkenaan masih bertali pusat dan tidak berbaju dalam sebuah kotak.

"Tiada sebarang dokumen berkaitan bayi atau waris ditemukan," katanya dalam kenyataan.

Menurutnya, berdasarkan maklumat diperoleh, bayi berkenaan ditemukan oleh seorang wanita tempatan berusia 25 tahun.

Katanya, wanita itu terdengar suara seperti bayi menangis sebelum terkejut melihat bayi berkenaan berada dalam kotak.

"Wanita itu bertindak menyelamatkan bayi itu sebelum dibawa pulang ke rumah serta membuat laporan polis," katanya.

Lily Norliyana memberitahu, bayi berkenaan dinamakan sebagai Muhammad Raees Mikhail.

Jelasnya, berdasarkan laporan pemeriksaan 'bone age' daripada bahagian pakar kanak-kanak, poliklinik pakar Hospital Sultanah Aminah (HSA), bayi itu kini berusia 4 bulan.

Bayi berkenaan ujarinya, ditempatkan di bawah jagaan sementara Orang Yang Layak dan Sesuai (OYLS) di Kulai, Johor mengikut bawah seksyen 19 (2)(b) Akta Kanak-Kanak 2001.

"Orang ramai yang memiliki maklumat berkaitan waris bayi berkenaan boleh menghubungi pegawai pelindung, Nur Aida Masturah Taib di talian 07-6622990 atau 011-21779224 atau boleh emel nuraidamasturah99@gmail.com," katanya.- MalaysiaGazette

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



PERKAHWINAN pasangan mualaf antara program dilaksanakan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) untuk menggalakkan golongan muda khususnya mendirikan rumah tangga.

KURSUS KAHWIN PERCUMA GALAK ORANG MUDA DIRIKAN RUMAH TANGGA

LIANA SAHABUDIN
ISNIN, 6 JANUARI 2025 @ 14:21

AYER KEROH 6 Januari – Program Insentif Pra-Perkahwinan percuma menggalakkan rakyat di negeri ini membangunkan institusi keluarga, sekali gus menjauhi perkara negatif.

Bakal memberi peluang kepada seramai 2,500 peserta terawal, program diselenggarakan oleh Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) ini diumumkan oleh Kerajaan Negeri pada Bajet 2025 Negeri Melaka yang lalu.

Justeru, Melaka Hari Ini mendapatkan reaksi penduduk di negeri ini mengenai inisiatif tersebut yang mana memberi manfaat kepada mereka yang ingin mendirikan rumah tangga.

Bagi Nuraisyah Aziz, 31, program ini secara tidak langsung menggalakkan anak-anak muda yang masih belum berkahwin untuk memasuki alam berumah tangga.

“Memang bagus apabila ada kursus kahwin secara percuma, zaman sekarang ramai yang tidak mahu berkahwin atas faktor tertentu, tetapi apabila ada kursus percuma ia dapat menarik minat peserta.

“Bukan hanya untuk berkahwin tetapi menerusi kursus ini mereka juga dapat ilmu yang bermanfaat dan sebagai persediaan melangkah ke alam berumah tangga,” katanya.

Sementara itu Suhaila Abdul Wahab, 46, berharap kursus kahwin secara percuma ini memberi peluang kepada anak-anak muda atau mereka yang belum berkahwin ilmu untuk mendirikan masjid.

“Bagi saya bagus sebab sekarang kos semakin meningkat, kursus kahwin juga perlukan bayaran, jadi apabila ditawarkan secara percuma ia sudah pasti ramai yang berminat.

“Sebagai ibu saya sendiri ada empat orang anak, biarpun usia mereka masih remaja suatu hari nanti sudah tentu mereka juga ingin berkahwin, jadi inisiatif ini sangat bermanfaat jika teruskan pada tahun-tahun akan datang,” katanya.

Manakala Muhammad Syaufiq Hanif Zaidi, 32, pula berkata dengan adanya inisiatif itu orang ramai lebih yakin untuk menyertai kursus kahwin.

“Inisiatif Kerajaan Negeri bagi kursus kahwin percuma sangat bagus, kadang-kadang orang bujang mahu kahwin mereka fikir banyak kali sebab perlu bayar.

“Jadi bila ada tawaran percuma, ini adalah peluang terbaik untuk orang bujang sertai kursus kahwin kerana ia permulaan untuk mendirikan rumah tangga,” katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Etika hulu bantuan pascabanjir



PENGURUSAN kanan EFTB dan URWAH pada majlis penyampaian bantuan.

Kuala Lumpur: Susulan banjir besar yang melanda negeri Kedah pada hujung tahun lalu, Etiqa Family Takaful Berhad (EFTB) dengan kerjasama Persatuan Amal Kebajikan Sahabat Urwah (URWAH) menyalurkan bantuan kepada keluarga yang terjejas melalui Program Bantuan Pascabanjir bagi meringankan beban mereka membina semula kehidupan.

Melalui program ini, EFTB telah menyalurkan sumbangan zakat berjumlah RM150,000 kepada lebih 500 keluarga di Kedah termasuk Kota Setar, Kubang Pasu, dan Pokok Sena.

Penerima manfaat program ini mendapat sumbangan tunai RM200 serta bantuan segera dalam bentuk pek makanan asas bernilai RM100 yang mengandungi barangan keperluan harian dan barangan kebersihan asas yang lain.

Ketua Pegawai Eksekutif EFTB, Zafri Ab Halim berkata, sebagai sebahagian daripada komitmen terhadap Pengantaraan Berasaskan Nilai (VBI) yang digariskan oleh Bank Negara Malaysia, EFTB berbesar hati memainkan peranan dalam membantu masyarakat yang terjejas akibat banjir besar di Kedah.

"Program ini sejajar dengan visi korporat kami, Menjadikan Dunia Tempat yang Lebih Baik.

"Melalui kerjasama dengan URWAH, kami berharap sumbangan ini bukan saja dapat meringankan beban keluarga yang terkesan, tetapi juga memberikan sedikit ketenangan dalam menghadapi cabaran pasca bencana.

"Kami percaya semangat keprihatinan dan solidariti adalah kunci utama dalam usaha membangunkan semula komuniti yang terjejas," katanya.

Sementara itu, Pengerusi URWAH, Mohamad Dhirar Azwar berkata, sebagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berdaftar dan tersenarai di bawah Program Rakan NADMA 2030, pihak amat berterima kasih kepada EFTB atas kepercayaan dan sumbangan yang diberikan untuk kali ini.

Beliau berkata, bantuan tunai RM200 dan pek makanan asas bernilai RM100 yang diagihkan terus kepada setiap keluarga diharap dapat meringankan beban mereka dalam menghadapi pasca bencana ini.

"Kami juga menghargai kerjasama erat dengan pihak Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Kedah, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), serta pihak Penghulu Daerah dalam memastikan bantuan disampaikan dengan lancar dan menyeluruh," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm     

TAJUK : HUBUNGAN TOKSIK JEJAS KASIH SAYANG DALAM RUMAH TANGGA

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 7 JAN 2025

M/SURAT : 22

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWK

Hubungan toksik jejas kasih sayang dalam rumah tangga

Konflik berlaku cetuskan tekanan emosi, psikologi sehingga menyebabkan gangguan mental

Oleh Saadiah Ismail
bhrencana@bh.com.my

Dalam melayari kehidupan rumah tangga, tidak semua hubungan terjalin dengan baik. Ada berakhir menjadi toksik yang boleh menjadikan seseorang berasa tidak bahagia dalam mahligai dibina.

Hubungan toksik antara pasangan suami isteri adalah situasi tidak sihat yang susah dileraikan. Ia boleh membuatkan anda lupa siapa diri anda dan apa yang terbaik untuk pasangan.

Ia juga boleh menjadi antara perkara paling 'menyakitkan' dalam sebuah perhubungan kerana pastinya semua mengharapkan perkahwinan dibina itu kekal sehingga ke akhir hayat.

Perunding Motivasi Wanita dan Kekeluargaan merangkap Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Siti Fatahiyah Mahamood, berkata situasi ini biasanya berlaku

terjadi antara salah seorang iaitu suami atau isteri atau kedua-duanya sekali atau mungkin juga disebabkan ahli keluarga ataupun keluarga mentua.

Katanya, apabila ada hubungan toksik dalam sesebuah rumah tangga, ia secara tidak langsung akan wujud masalah komunikasi, tekanan emosi dan psikologi sehingga boleh mencetuskan tekanan mental.

"Sekiranya situasi ini tidak dikawal, ia boleh menghakik sifat hormat dan tanggungjawab kepada pasangan dan keluarga, lama kelamaan boleh memudarkan rasa cinta dan kasih sayang dalam rumah tangga.

"Bagi pasangan yang kenal sebelum nikah, perkara sebegini boleh disedari daripada awal sebelum perkahwinan, tetapi disebabkan asyik dilamun cinta, perkara itu diketepikan dengan harapan pasangan dapat berubah selepas berkahwin," katanya.

Siti Fatahiyah berkata, hubungan toksik dalam rumah tangga boleh terjadi disebabkan beberapa faktor seperti kurang kematangan dan bersedia melayari kehidupan bersama kerana beranggapan cinta itu sudah cukup untuk mereka menuju ke alam perkahwinan.

"Selain itu, kurang ilmu berkaitan perbezaan sifat lelaki dan perempuan menjadi penyebab berlaku pergaduhan apabila tiada persefahaman dan tolak ansur.

"Tekanan hidup dan masalah kewangan yang tidak diuruskan dengan baik juga boleh menjadi

punca toksik dalam hubungan hingga mereka menyalahkan antara satu sama lain masalah dihadapi," katanya.

Katanya, campur tangan ahli keluarga atau keluarga mentua yang masih ingin mengawal tindak-tanduk pasangan suami isteri juga boleh menjadi faktor utama.

"Perkara ini berlaku disebabkan ibu bapa masih belum bersedia melepaskan anak mereka ataupun disebabkan ahli keluarga tidak dapat menerima kehadiran ahli keluarga baharu masuk ke dalam keluarga mereka.

"Wujudnya orang ketiga turut mengganggu keharmonian rumah tangga dan mengeruhkan konflik. Hubungan toksik ini boleh terjadi pada awal, pertengahan atau pun pada akhir perkahwinan," katanya.

Kurang berkomunikasi

Menurutnya lagi, perubahan sikap pasangan yang bersifat toksik boleh dikesan dengan jelas pada perubahan sikap. Misalnya, sikap mesra bertukar menjadi cepat marah atau kurang berkomunikasi.

Pasangan lebih suka menyendiri atau banyak menghabiskan masa di luar rumah dan kerap menyalahkan antara satu sama lain apabila ada masalah walaupun hal kecil.

"Apabila situasi ini berlaku,

ia membabitkan semua pihak berkaitan dan bukan menjerus individu sahaja.

"Jika dilihat situasi institusi perkahwinan sekarang ini, kedua-dua pasangan atau pun ahli keluarga cenderung mewujudkan hubungan toksik ini apabila mereka tidak dapat mengurus emosi, psikologi dan konflik dalam rumah tangga.

"Kebiasaannya, pasangan suami isteri atau pun campur tangan keluarga sudah menyedari konflik yang berlaku, tetapi mereka cuba lari daripada masalah ataupun membiarkannya tanpa penyelesaian, ibarat membiarkan yang retak menjadi belah.

"Perkara ini menjadi semakin kronik apabila ada orang ketiga yang cuba mengambil kesempatan di atas konflik berlaku. Akibatnya, hubungan toksik ini akan berlarutan dan menjadi halangan pasangan membina semula kebahagiaan," katanya.

Apabila wujudnya situasi ini, dua perkara yang boleh dilakukan sama ada mengambil tempoh bertenang dan cuba bermuhasabah diri atau pun langkah terakhir dengan menamatkan hubungan itu.

Bagaimanapun, Siti Fatahiyah berkata, pasangan suami isteri seharusnya segera mencari jalan penyelesaian terbaik dan jangan membiarkan konflik rumah

tangga berlarutan.

"Tempoh bertenang amat perlu, sebaiknya cuba cari kekuatan untuk melupakan segala perasaan marah dan dendam yang bersarang supaya masalah dapat diselesaikan dengan baik.

"Renungkanlah semula tujuan dan hikmah perkahwinan yang dibina pada peringkat awal dengan penuh kasih sayang dan niat ibadah kerana Allah SWT.

"Ahli keluarga ataupun sahabat rapat berilah sokongan kepada pasangan itu untuk membantu mereka menyelesaikan masalah, bukannya menjadi batu api.

"Sewajarnya, elakkan berlaku perceraian kerana terdapat banyak kesan negatif terutama membabitkan proses tumbesaran dan pendidikan anak," katanya.

Katanya, pasangan suami isteri perlu sedar, fitrah setiap orang berbeza dan persefahaman perlu dibina untuk mengelakkan pergaduhan.

"Apabila berlaku ikatan satu cinta dua jiwa, ingatlah kita ada dua keluarga yang perlu disatukan. Hormatilah kedua-dua keluarga dan berilah kasih sayang yang ikhlas. Elakkan sendiri-sendiri antara dua keluarga apabila berlaku konflik.

"Kita juga perlu sedar, setiap pasangan ada kelebihan dan kekurangan masing-masing. Percayalah, sesungguhnya kelebihan pasangan kita itu akan menyempurnakan kekurangan mereka," katanya.



Siti Fatahiyah



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : SEGERA LERAIKAN KONFLIK ELAK KELUARGA TERUS MENDERITA

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 7 JAN 2025

M/SURAT : 22

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

Segera leraikan konflik elak keluarga terus menderita

Hubungan yang baik dapat memberikan rasa tenang, sokongan dan penghargaan antara satu sama lain.

Situasi itu bukan hanya boleh dilihat dalam bentuk fizikal dan kata-kata, tetapi boleh dilihat dengan sikap yang saling menyokong.

Hal ini diakui Siti Nur Aini Saad, 39 dan berpendapat hubungan yang sihat seharusnya membawa kebahagiaan, sokongan dan saling rasa hormat, bukannya kesakitan atau penderitaan.

"Hubungan toksik membawa lebih banyak kesan negatif pada emosi, mental atau fizikal seseorang. Apabila konflik timbul sering kali berlaku komunikasi kasar, ketidakpercayaan atau lebih serius, memabitkan penderaan

mental atau fizikal, yang memberi impak mendalam kepada kesejahteraan seseorang.

"Sekiranya mengenali terdapat tanda-tanda hubungan

toksik, langkah pertama adalah keluar daripada situasi atau leraikan hal yang memudaratkan itu.

"Perlu ada keberanian untuk

membuat perubahan, berbilang secara terbuka, tetapi jika tiada perubahan, keputusan untuk meninggalkan hubungan mungkin perlu dipertimbang-

kan. Terpulang pada pasangan itu," katanya.

Bagi Norizan Karim, 40, hubungan toksik ini disifatkan sesuatu yang berlaku tanpa disedari kerana ada beranggapan ia asam garam rumah tangga.

"Sebenarnya ramai tak sedar mereka sedang berhadapan dengan keadaan yang mungkin akan memberi kesan kepada kesihatan mentalnya.

"Mereka menganggap, tindakan pasangan itu perkara normal sebab sudah terbiasa, padahal ia tidak normal dalam hubungan.

"Justeru, jika ingin memberi peluang, bolehlah bertahan untuk suatu tempoh masa, tetapi jika peluang disia-siakan, eloklah tamatkan sahaja hubungan itu," katanya.

“Sekiranya mengenali terdapat tanda-tanda hubungan toksik, langkah pertama adalah keluar daripada situasi atau leraikan hal yang memudaratkan itu”



Siti Nur Aini Saad

“Sebenarnya ramai tak sedar mereka sedang berhadapan dengan keadaan yang mungkin akan memberi kesan kepada kesihatan mentalnya”



Norizan Karim

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : PARENTS URGED TO TAKE CHARGE OF KIDS' ONLINE SAFETY

HARI : SELASA

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 7 JAN 2025

M/SURAT : 12

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

Parents urged to take charge of kids' online safety

By REMAR NORDIN
remar.nordin@thestar.com.my

JOHOR BARU: Parental controls remain a critical tool in ensuring children under the age of 13 are shielded from the potential risks of social media, says the Malaysia Cyber Consumer Association (MCCA).

Its chairman Datuk Ahmad Noordin Ismail emphasised the pivotal role parents play in safeguarding their children online.

"Parents are the first line of defence in this matter; they are the ones providing gadgets to their children, so it's their responsibility to ensure these devices are used safely," he said.

Ahmad Noordin noted that children generally need mobile devices for two main purposes: communicating with their parents and completing schoolwork.

"Before handing over a mobile phone or tablet to a child, it's crucial to set up a parental control account. Parents should also regularly monitor their children's online activities, including the content they view and the apps they download," he said in an interview yesterday.

Ahmad Noordin explained that parental controls help filter inappropriate content and block harmful searches, serving as a barrier against exposure to issues such as pornography, paedophiles, sexual

grooming and cyberbullying.

While acknowledging the government's efforts to regulate social media platforms, Ahmad Noordin suggested the next step should involve implementing electronic Know-Your-Customer verification systems.

"This would enable social media platforms to prevent underage registrations effectively," he said, adding that parents must also ensure their personal information is not misused by children attempting to create unauthorised accounts.

Ahmad Noordin called for a multi-pronged approach to combat the dangers children face online. This includes parental vig-

ilance and fostering digital literacy from an early age.

"Parents are encouraged to engage in open conversations about online safety and the potential risks of social media. Awareness is key. Parents need to educate their children about the digital world and the importance of safe online practices," he advised.

The MCCA also urged schools to play a more active role in promoting responsible technology use and cyber safety, empowering students to navigate the digital landscape confidently.

Communications Minister Fahmi Fadzil reportedly reaffirmed the government's commitment to reminding social media

platforms to enforce age-limit guidelines.

Deputy Communications Minister Teo Nie Ching had also said that Australia's recent ban on social media access for minors under 16 and France's legislation requiring parental consent for children under 15 were being reviewed for consideration of similar laws in Malaysia.

In November last year, Australia's Senate passed a law banning children and adolescents from using social media, becoming the first country in the world to take such a step. The Indonesian government is also reportedly considering following Australia's lead in implementing a similar ban.